

NOVEL

**TINGKATAN 1**

- i. MENITI KACA karya R.Sabarudin R.Abdullah
- ii. LIMPAHAN DARAH DI SUNGAI SEMUR Karya Zakaria Salleh
- iii. ANAK DIN BIOLA Karya Maaruf Mahmud
- iv. AKU ANAK TIMUR Karya Siti Aminah Hj. Yusuf

**TINGKATAN 2**

- i. Pahlawan Pasir Salak karya Mohd Ismail Sarbini
- ii. Timulak Kapal Perang karya Azmah Nordin
- iii. Tragedi Empat Disember karya Dzul Karnain Ithnain
- iv. Kapten Hassan Wira Bansar karya Harun Johari

**TINGKATAN 3**

- i. PANAS SALJU karya Talib Samat
- ii. EKSPEDISI karya Mohd Ghazali Toceh
- iii. KANANG: CERITA SEORANG PAHLAWAN karya Maznan Noordin
- iv. MERDEKA ! MERDEKA ! karya A.Rahman Hanafiah

**Fokus penting 2010**

- ✓ Plot dan teknik
- ✓ Gaya bahasa
- ✓ Nilai dan pengajaran
- ✓ Biodata pengarang dan sinopsis

**Soalan 1**

Berdasarkan satu daripada novel di atas, nyatakan **tiga** latar masa. Bagi setiap latar masa tersebut, berikan contoh peristiwa yang berlaku.

**Zon 1: Pahlawan Pasir Salak**

1. Waktu senja - Deli selesai menolong ayahnya di gerai. Sewaktu mahu pulang ke rumah, dia terlihat sebuah perahu meluncur di pangkalan. Lamin dan Pak Wan meminta Deli menolong mereka kerana mereka telah diserang oleh orang suruhan Inggeris.
2. Waktu malam - Penduduk Kampung Pasir Salak berkumpul di halaman rumah Datuk Maharaja Lela untuk mendengar ucapan beliau. Datuk Maharaja Lela memberitahu penduduk-penduduk kampung supaya bersedia untuk menentang kehadiran Inggeris yang mahu menjajah kampung mereka.
3. November 1875 - Berlakunya suatu peristiwa berdarah di Pasir Salak apabila Seputum berjaya membunuh Residen British Perak yang pertama, iaitu Residen British. Peristiwa berdarah ini mengakibatkan Inggeris menyerang Kampung Pasir Salak.

## **Zon 2: Timulak Kapal Perang**

1. Waktu pagi - Paduka Mat Salleh menerima laporan daripada ketua pemungut cukai bahawa orang-orang Inggeris tidak membenarkan mereka menjalankan urusan memungut cukai di pangkalan Sungai Sugut lagi. Paduka Mat Salleh begitu marah dengan tindakan Inggeris itu.
2. Waktu petang - Berlakunya pergaduhan antara pegawai Inggeris dengan pedagang-pedagang di pangkalan. Pak Cik Tidung dan rakan-rakannya telah memberikan bantuan kepada pedagang-pedagang tersebut sehingga pergaduhan menjadi semakin besar. Pegawai-pegawai Inggeris telah menggunakan senapang untuk menghadapi Pak Cik Tidung dan rakan-rakannya. Pak Cik Tidung dan rakan-rakannya tewas dan dibawa ke Pulau Gaya.
3. Waktu malam - Andayu dari Paduka Mat Salleh serta pengikut-pengikutnya pergi ke Pulau Gaya untuk membebaskan Pak Cik Tidung dan rakan-rakannya. Akibatnya, berlakulah pertempuran yang sengit antara mereka dengan orang-orang Inggeris. Akhirnya, pasukan Paduka Mat Salleh berjaya membebaskan Pak Cik Tidung.

## **Zon 3: Tragedi Empat disember**

1. Waktu petang - Keluarga Kamarul Azam minum petang bersama-sama. Kamarul Azam memberitahu ayah dan ibunya bahawa dia akan mengikuti perkhemahan pengakap di Tanjung Pangku untuk mengambil Ujian Kelas Pertama Persatuan Pengakap sementara ayahnya pula memberitahu bahawa dia akan mengikuti rombongan kerja menteri ke negeri-negeri di utara tanah air.
2. Waktu malam minggu - DSP Yazid mendapat laporan tentang rampasan kapal terbang HM356. Selepas itu, dia berusaha untuk mendapatkan pengesahan daripada lapangan terbang iain menggunakan alat perhubungan di balai polis tersebut. Laporan tersebut ternyata benar dan DSP Yazid terkejut apabila disahkan bahawa kapal terbang tersebut dinaiki oleh abangnya, ayah Kamarul Azam.
3. Tengah malam Isnin - Pak Widodo telah menemui Kamarul Azam dan Razi yang hanyut di tengah laut. Mereka telah menyelamatkan Azam dan Razi serta membawa mereka berdua ke Pulau Rangsang di Sumatera Timur.

## **Zon 4: Kapten Hassan Wira Bangsa**

1. Awal tahun 1942 - Pemerintahan Jepun di Tanah Melayu. Jepun telah mengarahkan belia-belia Melayu untuk menyertai perkhidmatan tentera Jepun yang dinamakan pasukan aiho dan oabang. Mereka juga dikehendaki menyertai pasukan polis Jepun yang dikenali sebagai kabotai. Jepun berbuat demikian untuk membantu menjaga keselamatan dan keamanan Tanah Melayu.
2. 14 Ogos 1945 - Jepun menyerah kalah tanpa syarat kepada Tentera Berikat. Tempoh 14 hari sebelum kedatangan Inggeris telah digunakan oleh Kumpulan Bintang Tiga untuk mentadbir beberapa buah bandar di Tanah Melayu dengan penuh kekejaman.
3. 16 November 1953 - Pasukan yang diketuai oleh Sarjan Hassan telah membuat serang hendap ke atas kawasan perkhemahan sementara pasukan komunis di hutan Pahang. Dalam serangan itu, pasukan Sarjan Hassan berjaya membunuh empat orang penganas komunis.

## **Soalan 2**

kita hendaklah berani melakukan sesuatu perkara demi melaksanakan sesuatu tugas

Berdasarkan pernyataan di atas, huraikan **dua** contoh sifat berani yang ditunjukkan oleh watak-watak dalam novel yang anda kaji

### **Zon 1: Pahlawan Pasir Salak**

1. Datuk Maharaja Lela dengan beraninya telah membakar pondok yang dibuat oleh Inggeris untuk memungut cukai daripada penduduk Pasir Salak. Walaupun tindakan Datuk Maharaja Lela itu telah menyebabkan Inggeris semakin marah, Datuk Maharaja Lela dan anak-anak buahnya telah bersedia untuk menentang Inggeris.
2. Datuk Maharaja Lela telah mengarahkan penduduk-penduduk Pasir Salak supaya mengoyakkan surat kenyataan memungut cukai yang ditampal oleh orang suruhan Inggeris di kampung mereka. Keberanian Datuk Maharaja Lela ini mendapat sokongan daripada penduduk-penduduk Pasir Salak yang sayang akan kampung halaman mereka.

### **Zon 2: Timulak Kapal Perang**

1. Pak Cik Tidung amat marah apabila melihat sifat berani yang ditunjukkan pegawai-pegawai. Inggen berbalah dengan pedagang-pedagang di pangkalan. Dia akhirnya mengambil keputusan untuk membantu pedagang-pedagang tersebut menentang pegawai-pegawai Inggeris walaupun hanya bersenjatakan pidak (keris Bajau). Pak Cik Tidung telah menunjukkan kehebatan bersilat untuk menentang mereka. Keberanian Pak Cik Tidung terbukti apabila dia berjaya membunuh dua orang pegawai Inggeris.
2. Sementara Andayu pula begitu berani mengambil keputusan untuk menyiasat di mana Pak Cik Tidung ditawan dan setelah dia berjaya mengetahui keadaan Pak Cik Tidung, dia melaporkannya kepada Paduka Mat Salleh. Demi misinya itu, Andayu sanggup berenang merentasi laui. yang bergelora semata-mata mahu mendapatkan maklumat tentang Pak Cik Tidung yang ditawan dan dibawa ke Pulau Gaya.

### **Zon 3: Tragedi Empat Disember**

1. Azam dan Razi cuba menyiasat apakah benda yang menjunam dan terhempas berhampiran dengan tempat mereka berkhemah. Mereka berani berjalan pada waktu malam semata-mata untuk mengetahui apakah yang terjadi. Malah, mereka juga merancang untuk melaporkan perkara tersebut kepada pihak polis. Malangnya mereka berdua telah ditangkap oleh penjahat-penjahat.
2. Antik berani mengambil keputusan untuk meminjam bot laju daripada Pak Mostar, seorang taukeh ikan kerana mahu menolong Azam dan Razi pulang ke Malaysia. Antik terpaksa berbohong kepada Pak Mostar dengan menyatakan bahawa dia mahu menggunakan bot tersebut untuk menangkap ikan di tengah laut. Antik, Azam dan Razi sanggup mengharungi lautan luas asalkan dapat sampai ke Malaysia.

#### **Zon 4: Kapten Hassan Wira Bangsa**

1. Hassan bertindak berani untuk membebaskan datuknya, Penghulu Haji Ismail yang telah ditangkap oleh Kumpulan Bintang Tiga. Hassan ditemani bapa saudaranya serta penduduk kampung berbasikal ke Pekan Pantai untuk menyiasat kejadian yang menimpa datuknya. Apabila sampai ke tempat tersebut, Hassan telah meluru ke kereta tempat datuknya diikat, tetapi berjaya dihalang oleh orang ramai. Walaupun Hassan tidak berjaya membebaskan datuknya, dia bertekad untuk menegakkan keadilan.
2. Hassan dan rakan-rakannya ,yang bertugas dalam Platun 12 diarahkan melakukan serbuan terhadap segerombolan komunis di kawasan Sungai Temenggur. Hassan dan anggota Platun 12 dengan beraninya .telah ..{tierentasi... Sungai Temenggur dengan pantas walaupun dihujani tembakan penganas komunis sehinggalah mereka sampai di tebing sungai.

#### **Soalan 3**

Berdasarkan novel yang anda kaji, Huraikan peleraian cerita dalam novel tersebut.

Jawapan anda hendaklah berdasarkan sebuah novel yang anda kaji dalam Tingkatan 3.

#### **Zon 1: Panas Salju**

1. Lima tahun selepas Bushrah menjalani pembedahan imluk pemindahan hatinya kepada anaknya, Nadhirah, akhirnya Bushrah meninggal dunia di pangkuan suaminya, Zulkifli pada jam 4 pagi. Ramai sahabat dan jirarvtetangga menziarahi keluarga Zulkifli. Zulkifli dan anak-anaknya benar-benar terasa kehilangan Bushrah yang telah banyak berkorban unluk keluarga.
2. Zulkifli mendapat tawaran kerja sebagai pengarang sastera di Mingguan Malaysia sementara Nadhirah telah bekerja di Bank Islam dan Mulyadi pula menjadi pensyarah kanan di ITM. Mereka hidup bahagia sekalipun Bushrah lelah liada dan Zulkifli tidak berkahwin lagi demi cintanya kepada isterinya itu.

#### **Zon 2: Ekspedisi**

1. Pak Salleh dijemput ke balai polis. Dia mulanya begitu marah apabila melihat Cikgu Murad dibebaskan. Pihak polis memberi penjelasan bahawa wajah penjenayah yang melakukan kegiatan haram di kawasan hutan itu mirip wajah Cikgu Murad. Cikgu Murad tidak bersalah. Walau bagaimanapun, pihak polis berterima kasih kepada Pak Salleh kerana laporannya berhubung kegiatan penjenayah itu banyak membantu pihak polis menjalankan siasatan sehingga tertangkapnya penjenayah tersebut.
2. Pak Salleh meminta maaf kepada Cikgu Murad atas sikapnya yang amat membenci Cikgu Murad dan menuduhnya sebagai penjenayah. Hadi begitu gembifa kerana ayahnya telah insaf akan kesilapannya dan berita kejayaan pihak polis dengan bantuan Pak Salleh itu mendapat liputan meluas di radio dan televisyen.

### **Zon 3: Kanang: Cerrta Seorang Pahlawan**

1. Kanang menyertai pasukan Gerakan Setia 8/79 di kawasan Hutan Korbu, Perak Dia berjuang tanpa berputus asa dalam memerangi penganas.korminis. Kanang cedera dalam pertempuran dan dimasukkan ke hospital selama sebulan. Isterinya Helen begitu selia menjaganya.
2. Kanang dinaikkan pangkatkepada Pegawai Waran. Pada 30 Mei 1986, Kanang mengambil keputusan untuk bersara daripada tentera. Beliau hidup sebagai orang awam dan menjalani kehidupan yang agak susah walaupun telah berjasa kepada bangsa dan negara selama 21 tahun. Kanang menerima pingat Bintara Bintang Sarawak setelah beliau bersara.

### **Zon 4: Merdeka! Merdeka!**

1. Walaupun Inggeris berkeras mahu mengisytiharkan Malayan Union dan mahu melantik Edward Gent sebagai Gabenor, pada 1 April 1946 satu perhimpunan besar-besaran lelah dibuat oleh orang-orang Melayu untuk menolak Malayan Union. Datuk Onn telah bemsaha meyakinkan Raja-Raja Melayu agar tidak menghadiri majlis perasmian Malayan Union. Akhirnya Raja-Raja Melayu sepakat menolak Malayan Union.
2. Datuk Onn telah menyeru dan memberikan kata-kata semangat kepada orarig-orang Melayu agar terus berjuang.demi tanah air. Laungan 'Merdeka!' benar-benar menyemarakkan semangat patriotik dalam jiwa anak bangsa. Kudin terharu' apabila menyaksikan perisliwa bersejarah negara Itu.

#### **Soalan 4**



Berdasarkan novel yang anda telah kaji, nyatakan tiga pengajaran dan contoh-contoh peristiwa bagi menjelaskan setiap pengajaran tersebut.

Jawapan mestilah berdasarkan satu daripada novel yang telah anda kaji tingkatan 1.

### **Zon:.1: Meniti Kaca**

1. Kita mestilah sentiasa tabah dan sabar dalam menjalani hidup ini. - Dalam novel ini, diperlihatkan ketabahan Nazar dan hasilnya dia berjaya ke sekolah berasrama penuh.
2. Kita mestilah bantu-membantu antara satu dengan yang lain, - Penduduk kampung membantu mencari Mahyun yang hilang dan akhirnya Mahyun ditemui.
3. Kita mestilah mempunyai perasaan kasih sayang. - Nazar menyuruh ayahnya membawa pulang ibunya yang dirawat di Hospital Bahagia kerana enggan melihat ibunya dikurung di situ.

### **Zon 2: Limpahan Darah di Sungai Semur**

1. Pentingnya kita mempunyai perasaan cinta akan lanah air. - Dapat dilihat menerusi anggota pasukan keselamatan yang berjuang supaya tanah air tidak terlepas ke tangan orang asing.
2. Kita mestilah mempunyai semangat juang yang tinggi. - Pasukan keselamatan memperlihatkan semangat yang tinggi ketika berjuang dan mereka tidak mahu menyerah kalah walaupun dalam keadaan terdesak
3. Pentingnya kita mempunyai pendirian yang teguh. - Dalam cerita ini, Jamaluddin menghadapi banyak halangan yang terpaksa ditempuhinya.

### **Zon 3: Anak Din Biola**

1. Kita janganlah menindas golongan yang lemah - Pak Mat Tukang Masak telah menindas rakannya Pak Man Tukang Jahit dan Budiman supaya mengikut arahnya termasuklah merahsiakan kejahatannya.
2. Kita ditegah mengambil hak orang lain. - Pak Mat Tukang Masak mencuri dan menyeludup barang dari Rumah Bonda untuk dibawa keluar. Barang itu akan dijualnya semula dengan bantuan seorang pemandu van.
3. Pentingnya mengenang jasa. - Din Biola telah dianugerah Pingat Jasa Kebaktian atas sumbangannya menghidupkan semula lagu-lagu Melayu asli.

### **Zon 4: Aku Anak Timur.**

1. Kita mestilah berhati-hati dalam membuat sebarang keputusan. - Tindakan Zarina yang keluar dengan Niek tanpa memberitahu orang tuanya membuatkan dia hampir-hampir diperkosa sewaktu menghadiri majlis hari jadi kawan Niek
2. Kita mestilah berusaha mempertahankan maruah diri - Tindakan Zarina yang melarikan diri dari majlis hari jadi kawan Niek apabila dia menyedari sesuatu yang buruk akan berlaku ke atas dirinya.
3. Kita janganlah mudah mempercayai orang yang baru kita kenali. - Zarina terlalu cepat mempercayai Niek dan mudah mengikut Niek ke beberapa tempat termasuk ke majlis hari jadi kawan Niek.

### **Soalan 5**

Nyatakan empat latar tempat berserta contoh peristiwa yang berlaku dalam novel yang anda kaji, iaitu dua latar tempat berserta contoh peristiwa daripada sebuah novel Tingkatan 1 dan dua latar tempat berserta contoh peristiwa daripada sebuah novel Tingkatan 2.

#### **Meniti Kaca**

1. Hospital Bahagia, Janjung Rambutan, Perak
  - Ibu Nazar, iaitu Mahyun telah dihantar ke Hospital Bahagia di Tanjung Rambutan, Perak untuk mendapatkan rawatan penyakit nanar yang dialaminya.
2. Rumah Nazar
  - Suasana di rumah Nazar menjadi riuh-rendah kerana jiran-jirannya datang untuk menziarahi Mahyun yang baoi sahaja pulang dari Hospital Bahagia. Mereka sibuk membaniu Pak Sahar menyediakan minuman.

#### **Pahlawan Pasir Salak**

1. Kampung Pasir Salak, Perak
  - Berlakunya kisah penentangan orang-orang kampung ini terhadap Inggeris yang mahu menjajah dan menguasai kampung mereka. Penduduk Kampung Pasir Salak diketuai oleh Datuk Maharaja Lela.
2. Sungai Perak
  - Berlakunya peristiwa berdarah apabila Seputum, seorang anak buah Datuk Maharaja Lela telah membunuh Residen Inggeris, iaitu J.W.W Birch yang ketika itu sedang mandi di Sungai Perak.

#### **Limpahan Darah di Sungai Semur**

1. Port Dickson, Negeri Sembilan
  - Jamaluddin telah berjaya dalam temu duga menjadi tentera. Dia dan rakan-rakannya menjalani latihan ketenteraan di Port Dickson selama enam bulan.
2. Sungai Semur di Hulu Kelantan
  - Koperal Jamaluddin dari Platun 12 Kompeni D Batalion Ketiga Askar Melayu dan rakan-rakannya berhadapan dengan serangan daripada pasukan komunis di Sungai Semur. Leftenan Hassan dan beberapa orang tentera telah terkorban dalam pentempuran ini

#### **Anak Din Biola**

1. Rumah Bonda,
  - Budiman, Chong dan Chandra serta rakan-rakannya tinggal di Rumah Bonda, sebiiah rumah anak-anak yatim. Di sinilah mereka menjalani kehidupan seharian di bawah seliaan Pak Jais.
2. Sekolah Muzik Lagu Bayu di tengah kota raya
  - Budiman belajar menggesek biola di sekolah muzik milik Datin Siti Norbayu ini kerana dia begitu berminat dalam bidang seni. Budiman juga berhasrat untuk menyertai Pertandingan Bintang Biola Remaja Kota Raya.

## **Tragedi Empat Disember**

1. Di rumah Kamarul Azam
  - Kamarul Azam memberitahu ayah dan ibunya bahawa dia akan menyertai perkhemahan pengakap dan mengambil Ujian Kelas Pertama Persatuan Pengakap sekolahnya.
2. Tanjung Pangku, Johor
  - Kamarul Azam dan rakan-rakannya memulakan perkhemahan di sini. Pada waktu malam, mereka terlihat suatu cahaya menjunam jatuh tidak jauh dari tempat perkhemahan mereka. Tanpa pengetahuan Kamarul Azam dan rakan-rakannya, cahaya itu adalah daripada kapal terbang yang dinaiki oleh ayahnya.

## **Aku Anak Timur**

1. Lapangan Terbang Antarabangsa Subang
  - Zarina, ibu dan adiknya berada di Lapangan Terbang Antarabangsa Subang. Mereka hendak pergi ke Belanda untuk mengunjungi Encik Ali, iaitu ayah Zarina yang bertugas di Universiti Leiden.
2. Rumah kawan Niek Van Hoeve di Belanda
  - Zarina yang berasa bosan kerana duduk di rumah telah mengikut Niek Van Hoeve pergi ke rumah rakan Niek untuk menghadiri majlis hari jadi. Di situ, Zarina melihat pergaulan bebas anak-anak muda di luar negara. Mereka merokok dan minum minuman keras. Zarina mengambil keputusan untuk melarikan diri.

## **Kapten Hassan Wira Bangsa**

1. Sekolah Pengajian Pondok Kampung Segar, Kuala Sawah, Negeri Sembilan
  - Hassan melanjutkan pelajaran dalam bidang agama. Atas kehendak datuknya, Penghulu Ismail walaupun dia sebenarnya bercita-cita untuk menyambung pelajaran di sekolah Inggeris.
2. Hutan Pahang
  - Pasukan pimpinan Sarjan Hassan telah membuat serangan hendap terhadap pasukan komunis yang sedang berkhemah di kawasan hutan Pahang. Dalam serangan itu, empat orang penganas komunis berjaya ditembak mati.



## **Soalan 6**

Berdasarkan satu daripada novel di atas, huraikan tiga persoalan serta contoh yang sesuai daripada novel tersebut.

Jawapan anda hendaklah berdasarkan sebuah novel yang telah anda kaji dalam Tingkatan 2.

### **Zon 1: Pahlawan Pasir Salak**

1. Persoalan tentang sikap seseorang yang sanggup belot terhadap tanah air - Lamsah, seorang pemuda yang berumur lebih kurang 25 tahun sanggup menjadi tali barut Inggeris untuk kepentingan diri sendiri. Lamsah telah menyamar sebagai pejuang dan memburuk-burukkan Inggeris demi mendapatkan maklumat untuk Inggeris. Maklumat yang disampaikan digunakan oleh Inggeris untuk menyerang Kampung Pasir Salak.
2. Perancangan strategi yang baik penting dalam perjuangan - Datuk Maharaja Lela, selaku ketua Kampung Pasir Salak bijak merancang strategi dengan membina kubu di Bandar Tila semata-mata untuk mengelirukan pihak Inggeris.
3. Sikap sayang terhadap anak akan kekal selamanya - Pak Wan begitu sayang akan anaknya, Mat Nor walaupun anaknya telah lama meninggal dunia. Pak Wan sentiasa teringat akan anaknya kerana jika anaknya itu masih hidup, tentu dia akan sama-sama berjuang untuk mempertahankan Pasir Salak daripada ancaman Inggeris,

### **Zon 2: Jimulak Kapal Perang**

1. Usaha mempertahankan tanah air tidak mengenal jantina - Walaupun Andayu seorang perempuan, dia begitu bersemangat untuk mempertahankan daerah Inanam daripada jatuh ke tangan Inggeris.
2. Perjuangan memerlukan pengorbanan - Andayu terpaksa berkorban dengan mempertaruhkan nyawanya demi menyelamatkan Pak Cik Tidung daripada menjadi mangsa kekejaman Inggeris. Dia telah mengekor dan mengintip pergerakan Inggeris yang telah menangkap Pak Cik Tidung dan membawanya ke Pulau Gaya. Usahnya berhasil apabila akhirnya Pak Cik Tidung berjaya dibebaskan.
3. Sikap terburu-buru sering kali membawa padah/ bencana - Sikap Pak Cik Tidung yang panas baran dan campur tangan dalam perbalahan yang melibatkan seorang pedagang dengan pemungut cukai Inggeris telah menyebabkan berlakunya pertumpahan darah. Walaupun dia berjaya membunuh beberapa orang pemungut cukai Inggeris, akhirnya dia telah ditangkap oleh Inggeris.

### **Zon 3: Tragedi Empat Disember**

1. Kehidupan yang penuh dengan pancaroba/dugaan - Puan Katijah yang menjalani kehidupan penuh bahagia bersama-sama anak-anak dan suaminya Encik Razali telah melalui detik-detik hitam dalam hidupnya setelah anaknya hilang dan suaminya pula terbunuh dalam kemalangan udara.
2. Hubungan kekeluargaan mengeratkan kasih sayang - DSP Yazid, adik kepada Encik Razali yang terbunuh dalam nahas kapal terbang, seorang yang begitu rapat dengan anak-anak saudaranya. Dia juga telah bertungkus lumus untuk mengetahui berita kemalangan yang melibatkan abangnya dan menguruskan pengebumian abangnya sehingga selesai.

3. Sikap suka membantu tidak mengenal bangsa Pak Widodo dan keluarganya telah menyelamatkan Kamarul Azam dan Razi yang ditemui di Pulau Rangsang, Pak Widodo dan keluarganya telah menjaga kedua-dua mereka dengan baik dan telah menghantar Azam dan Razi pulang ke Malaysia.

#### **Zon 4: Kapten Hassan Wira Bangsa**

1. Tanggungjawab mempettahkan negara - Hassan sanggup menyertai pasukan tentera kerana ingin membela agama dan bangsa daripada dijajah oleh bangsa asing.
2. Kepentingan menuntut ilmu - Hassan begitu tekun belajar sehingga darjah lima dan ingin menyambung pelajaran di sekolah Inggeris. Walaupun hasratnya tidak kesampaian, namun dia tetap meneruskan pelajarannya dalam jurusan agama demi mempertingkatkan ilmu dalam dirinya.
3. Kekejaman pasukan Bintang Tiga - Pasukan Bintang Tiga bertindak ganas terhadap orang-orang kampung. Ramai orang yang tidak bersalah telah dibunuh kerana tidak memberi kerjasama kepada mereka. Isteri Hassan, ibu menlua dan anak saudara isterinya telah dibunuh dengan kejam oleh Kumpulan Bintang Tiga semata-mata kerana mereka tidak mahu menyerahkan barang-barang yang dikehendaki oleh mereka.

#### **Soalan 7**

Pilih satu watak sampingan dalam novel yang anda kaji, kemudian huraikan tiga sifat positif yang ada pada watak tersebut.

Jawapan anda hendaklah berdasarkan sebuah novel yang telah anda kaji dalam Tingkatan 2.

#### **Zon 1: Pahlawan Pasir Salak** - Datuk Maharaja Lela

1. Bijaksana - Sebagai penghulu Kampung Pasir Salak, Datuk Maharaja Lela merupakan seorang pemimpin yang bijak, terutama dalam mengatur strategi untuk bertempur dengan orang-orang Inggeris. Beliau tidak membenarkan pengikut-pengikutnya bertindak melulu dengan menyerang wakil Inggeris yang sedang membina pondok. Hanya setelah pondok tersebut siap, barulah beliau bertindak membakar pondok tersebut.
2. Cinta akan tanah air- Demi perasaan cintanya yang kuat akan tanah air, Datuk Maharaja Lela sanggup berjuang bermati-matian dalam mempertahankan Kampung Pasir Salak daripada jatuh ke tangan Inggeris.
3. Berani - Sifat berani yang ada dalam diri Datuk Maharaja Lela menyebabkannya tidak pernah berasa gentar dalam menghadapi orang Inggeris. Beliau bukan sahaja tidak menghiraukan arahan pihak Inggeris yang mahu menjalankan sistem pungutan cukai secara paksa di Pasir Salak, malahan telah mengarahkan pengikut-pengikutnya agar mengoyakkan surat pernyataan cukai yang ditampal oleh pihak Inggeris sebagai tanda protes terhadap arahan tersebut.

#### **Zon 2: Timulak Kapal Perang** – Paduka Mat Salleh

1. Bertanggungjawab - Atas dasar tanggungjawab terhadap keselamatan anak-anak buahnya, Mat Salleh sanggup mempertaruhkan nyawanya untuk menyelamatkan Pak Cik Tidung ditangkap dan ditahan oleh pihak Inggeris di Pulau Gaya.

2. Tegas pendirian - Sewaktu wakil Inggeris Paduka Mat Salleh supaya menyerahkan daerah Inaman kepada pihak Inggeris, beliau tidak akan menyerahkannya. Sebaliknya, beliau semakin berazam untuk mempertahankan itu daripada jatuh ke tangan Inggeris.
3. Bijak dalam melaksanakan tanggungjawab pemimpin - Paduka Mat Salleh mengatur strategi untuk bertempur dengan orang-orang Inggeris walaupun pihak Inggeris telah berundur, Beliau tetap mengarahkan pengikut-pengikutnya bersiap sedia dan memperkuat jentera serangan kerana beliau yakin bahawa orang-orang melakukan serangan balas terhadap pasukan mereka.

**Zon 3: Tragedi Empat Disember - DSP Yazid**

1. Amanah dalam melaksanakan tanggungjawab - DSP Yazid melaksanakan tugasnya dalam menyiasat kes rampasan kapal terbang yang mengorbankan kesemua penumpang termasuk abangnya sendiri dengan penuh amanah dan tidak dipengaruhi oleh emosi.
2. Sabar dan tenang - Berita rampasan kapal terbang dan kematian abangnya dalam tragedi tersebut bukan sahaja tidak melemahkan semangat DSP Yazid dalam melaksanakan tugasnya malahan beliau terus berusaha untuk mengetahui punca kejadian, seterusnya menyiasat kes tersebut sehingga selesai. Beliau juga sangat tabah dalam menghadapi dugaan itu biarpun abangnya sendiri turut terkorban dalam tragedi tersebut.
3. Bertanggungjawab - Sifat bertanggungjawab ini terserlah apabila DSP Yazid sentiasa mengambil berat terhadap keluarga abangnya dengan sentiasa berada bersama-sama kakak ipar dan anak-anak saudaranya sewaktu upacara pengebumian dijalankan.

**Zon 4: Kapten Hassan Wira Bangsa - Penghulu Ismail**

1. Bertanggungjawab - Sebagai seorang datuk yang bertanggungjawab, beliau telah mengambil Hassan daripada jagaan ayahnya kerana ayahnya tidak dapat menjaga Hassan dengan baik setelah kematian ibunya. Penghulu Ismail telah menjaga Hassan dengan penuh kasih sayang.
2. Mementingkan ilmu - Walaupun beliau tidak membenarkan Hassan belajar di sekolah Inggeris, beliau tetap mengutamakan ilmu. Hassan dihantar belajar di sekolah pondok untuk mempelajari ilmu agama. Hassan juga digalakkan belajar ilmu mempertahankan diri.
3. Rajin - Penghulu Ismail mengamalkan sikap rajin dan berbudi kepada tanah. Beliau begitu rajin bercucuk tanam di atas tanah pemberian pihak Jepun, iaitu dengan menanam padi, ubi, keladi dan sebagainya.

**Soalan 8**

Huraikan dua persamaan perwatakan bagi **watak utama** dalam novel yang anda kaji dalam tingkatan 1 dan tingkatan 3.

SENARAI NOVEL TINGKATAN 1	WATAK UTAMA
MENITI KACA	NAZAR
LIMPAHAN DARAH DI SUNGAI SEMUR	JAMALUDDIN
ANAK DIN BIOLA	BUDIMAN
AKU ANAK TIMUR	ZARINA

SENARAI NOVEL TINGKATAN 3	WATAK UTAMA
PANAS SALJU	ZULKIFLI
EKSPEDISI	HADI
KANANG: CERITA SEORANG PAHLAWAN	KANANG
MERDEKA ! MERDEKA !	KUDIN

**Limpahan Darah di Sungai Semur dan Ekspedisi****1. Bertanggungjawab**

- Jamaluddin seorang yang bertanggungjawab. Semasa mudanya, dia bekerja sebagai penjaga kawasan padi dan gudang beras di Skin chan. Dia telah menjalankan tugasnya dengan baik dan dia telah menangkap seorang lelaki Cina yang cuba menyeludup beras untuk komunis.
- Hadi dan rakan-rakannya bertanggungjawab menjayakan rancangan mereka untuk menyertai ekspedisi ke Gunung Itik bersama-sama Cikgu Murad. Hadi sanggup menempuh segala kesukaran semasa berekspedisi asalkan hasrat mereka tercapai.

**2. Rajin**

- Demi mencapai cita-citanya untuk menjadi tentera, Jamaluddin begitu rajin bergayut di jenang rumah atau di dahan-dahan pokok bagi memastikan ketinggianya menepati syarat yang ditetapkan. Dia juga rajin mengamalkan pemakanan yang sihat serta melakukan pelbagai latihan untuk memantapkan fizikalnya.
- Hadi pula seorang budak yang rajin. Dia tidak keberatan membantu ibunya membasuh pinggan mangkuk dan menyapu lantai asalkan rumah mereka bersih dan mereka sekeluarga selesa tinggal di situ.

**Meniti Kaca dan Panas Salju****1. Bertanggungjawab**

- Nazar dalam novel Meniti Kaca amat bertanggungjawab terhadap ibunya, Mahyun walaupun ibunya berpenyakit nanar. Nazar sentiasa menjaga ibunya dengan penuh kasih sayang.

- Zulkifli dalam novel Panas Salju seorang yang bertanggungjawab. Dia berasa bertanggungjawab untuk membantu mangsa yang terlibat dalam kemalangan kereta dan menghantarnya ke hospital.

## 2. Rajin

- Nazar seorang murid yang rajin. Dia sentiasa mengulang kaji pelajaran bersama-sama dengan Ah Seong dan Zainab.
- Zulkifli pula begitu rajin bemsaha menggunakan pelbagai cara untuk mendapatkan bantuan kewangan bagi membiayai kos rawatan anaknya, Nadhirah di luar negara termasuklah memohon bantuan melalui akhbar.

## **Anak Din Biola dan Kanang: Cerita Seorang Pahlawan**

### 1. Bertanggungjawab

- Budiman mengambil keputusan untuk melaporkan kegiatan haram yang dilakukan oleh Pak Mat Tukang Masak kepada pihak polis. Pak Mat Tukang Masak akhirnya ditangkap kerana menjadi pengedar dadah.
- Didorong oleh perasaan bertanggungjawab mempertahankan kedaulatan negara, Kanang dan rakan-rakannya telah berjuang bermati-matian ketika diserang hendap oleh musuh. Dalam kejadian tersebut, Kanang dan beberapa orang rakannya ditembak oleh musuh sehingga dia tidak sedarkan diri.

### 2. Rajin

- Budiman seorang budak yang rajin. Dia begitu rajin berlatih menggesek biola dengan bimbingan Datin Siti Norbayu dan Pak Wan Busu. Dia berazam untuk menyertai Pertandingan Bintang Biola Remaja Kota Raya demi memenuhi pesanan arwah ayahnya.
- Kanang seorang anak remaja yang rajin. Dia melakukan pelbagai kerja untuk menyara kehidupannya. Dia pernah bekerja sebagai penoreh getah, penambang perahu malah pernah bekerja mengangkut arang batu.

## **Aku Anak Timur dan Merdeka! Merdeka!**

### 1. Bertanggungjawab

- Zarina bertanggungjawab untuk mempertahankan maruah dirinya sebagai anak timur daripada hanyut dalam pergaulan bebas masyarakat barat. Dia lantas mengambil keputusan untuk melarikan diri semasa menghadiri majlis hari jadi rakan Niek Van Hoeve setelah menyedari bahawa sesuatu yang buruk akan menimpa dirinya.
- Kudin dan pejuang-pejuang bangsa yang lain telah berusaha untuk menghalang pihak Inggeris daripada melaksanakan gagasan Malayan Union di negara ini. Atas perasaan tanggungjawab terhadap bangsa dan negara, dia tidak henti-henti berjuang sehinggalah usaha mereka mendatangkan hasil apabila rancangan penubuhan Malayan Union gagal dilaksanakan.

### 2. Rajin

- Zarina tetap membawa buku dan dia rajin mengulang kaji pelajaran walaupun dia bercuti di Belanda kerana dia sedar bahawa dia akan mengambil peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran.
- Sebagai anak muda kampung, Kudin begitu rajin membantu ayah dan ibunya menoreh getah dan turun ke sawah pada waktu petang